## HIKMAH DARI TURUNNYA NABI ISA A.S

Sebahagian dari kalangan ulama telah menyebut tentang hikmah dari penurunan Nabi Isa a.s, antaranya ialah :

1. Sebagai sanggahan terhadap bangsa Yahudi yang telah mendakwa bahawa mereka telah membunuh Nabi Isa a.s. Lalu Allah menurunkan Nabi Isa a.s sebagai jawapan kepada pembohongan mereka bahkan Nabi Isa a.s akan membunuh pemimpin mereka iaitu Dajjal.
2. Nabi Isa a.s telah mendapati kelebihan yang banyak telah disediakan oleh Allah kepada Ummat Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana yang terdapat dalam Injil, justeru dia memohon dari Allah agar dijadikan oleh Allah sebahagian daripada mereka.
3. Nabi Isa a.s akan diturunkan oleh Allah sebelum dari ajalnya agar dia dimatikan di bumi kerana tiada makhluk yang dicipta dari bumi melainkan akan dimatikan di bumi.
4. Sebagai hujjah yang menyangkal pendustaan Kristian bahawa Nabi Isa a.s anak Allah. Bahkan nabi Isa a.s akan menghapuskan semua agama selain Islam.
5. Nabi Isa a.s adalah pembawa khabar gembira dengan kedatangan Nabi Muhammad s.a.w, maka dia mendapat keistimewaan tersebut berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w : ((Akulah yang lebih berhak dengan Isa bin Maryam, sesungguhnya tiada di antaraku dan dia seorang nabi pun)). Riwayat Bukhari dan Muslim

## PERKARA YANG AKAN BERLAKU DI ZAMAN NABI ISA A.S

1. Pembunuhan Dajjal. Sewaktu Dajjal dan pengikutnya sedang berkuasa, Nabi Isa a.s akan turun sebagai pemusnah kerajaan Dajjal dan akan membunuh Dajjal serta pengikutnya.
2. Kemusnahan Yakjuj dan Makjuj.
3. Terhapusnya semua agama melainkan Islam. Nabi Isa a.s akan mematah-matahkan salib, membunuh khinzir dan menghapuskan Jizyah terhadap orang kafir.
4. Terangkatnya permusuhan dan persengketaan sesama manusia, lantas keamanan dan kedamaian akan tersebar di antara semua makhluk.

## TEMPOH KEBERADAAN NABI ISA A.S DI BUMI SESUDAH TURUNNYA DAN KEWAFATANNYA

Terdapat dua riwayat sahih yang menyatakan tempoh keberadaan Nabi Isa a.s di bumi selepas turunnya. Yang pertama menyebut 40 tahun dan yang kedua menyebut 7 tahun. Sebahagian dari kalangan ulama men*tarjih*kan riwayat 40 tahun berdasarkan ianya riwayat tambahan dari perawi yang thiqah dan penafsiran Abi Hurairah terhadap ayat Al-Quran tentang Nabi Isa.

Tiada riwayat yang jelas tentang di mana Nabi Isa a.s akan wafat. Namun ada yang mengatakan bahawa beliau akan wafat di Madinah dan akan dimaqamkan bersama Nabi Muhammad s.a.w. Wallahu A'lam.